

100,000 warga emas terpinggir



LAPORAN KHAS

Oleh NORAINI NORDIN

KUALA LUMPUR - Dalam kesibukan mengejar urusan hidup sehari-hari, ramai yang tidak sedar bahawa hampir 100,000 warga emas di negara ini iaitu mereka yang berumur lebih 60 tahun terpinggir dan tidak dipedulikan.

Mereka ini bukan sahaja berhadapan dengan pelbagai risiko serangan penyakit tetapi juga turut terdedah kepada kegiatan jenayah terutama samun dan bunuh.

Banci Penduduk dan Perumahan yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mendedahkan lebih 95,000 warga emas di negara ini hidup bersendirian.

Daripada jumlah itu, 69 peratus adalah wanita yang kebanyakannya

Mereka ini bukan sahaja berhadapan dengan pelbagai risiko serangan penyakit tetapi juga turut terdedah kepada kegiatan jenayah terutama samun dan bunuh.

Lagi berita, gambar di muka 13

menetap di kawasan luar bandar.

Pengarah Institut Gerontologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Tengku Aizan Hamid berkata, golongan warga emas tersebut terpaksa hidup berseorangan di rumah selepas kematian pasangan ataupun bercerai.

Katanya, tidak selesa tinggal bersama anak-anak atau dipinggirkan adalah faktor yang menyebabkan warga emas tersebut terpaksa meneruskan sisa-sisa hidup berseorangan.

Beliau berkata, statistik warga emas tinggal bersendirian tersebut

but diperolehi hasil bancian yang dilakukan pada tahun 2000.

Menurut beliau, berdasarkan aliran penuaan penduduk negara ini yang meningkat dengan pantas setiap tahun secara tidak langsung jumlah warga emas yang tinggal bersendirian turut bertambah kira-kira dua kali ganda.

Menurut beliau, ada juga warga emas tinggal bersendirian kerana masih bujang atau pasangan mereka bertugas di daerah lain.

"Keengganan anak-anak meneruskan bersama atas alasan bekerja juga menyebabkan warga emas

terbiar sendiri.

"Selain itu terdapat juga warga emas yang tidak mahu tinggal bersama anak-anak atau saudara mara kerana tidak selesa. Mereka lebih rela bersendirian," katanya semasa ditemui *Utusan Malaysia*.

Menurut beliau, di kalangan warga emas lelaki yang tinggal bersendirian, secara relatifnya mencatatkan peratusan tinggi bagi mereka yang tidak pernah berkahwin iaitu 13 peratus.

Apa yang membimbangkan menurut beliau, warga emas yang tinggal bersendirian terdedah dengan ancaman penyakit dan keselamatan.

"Kemungkinan untuk mereka diserang penyakit kronik lebih tinggi kerana tiada pengawasan.

"Selain itu mereka juga berisiko menjadi mangsa samun, rompak yang boleh meragut nyawa," ujar beliau.

Utusan
25 Mei
2009
(15NIN)